

INVENTORI ELEMEN: DONDANG SAYANG

1.1 LATAR BELAKANG DONDANG SAYANG

Dondang sayang dikatakan berasal daripada nyanyian istana zaman Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15. Selepas kejatuhan kerajaan Melayu Melaka, nyanyian ini keluar dari lingkungan istana dan dipopularkan oleh para pembesar yang masih menaruh minat terhadapnya. Pada masa itu, nyanyian dondang sayang masih merupakan puji-pujian tentang kebesaran kerajaan Melayu Melaka, dan kesedihan kerana kejatuhannya.

Sejarah Melayu ada mengisahkan Wan Benai menghiburkan Sang Nila Utama dengan nyanyian dan ulitan pantun kasih sayang. Sewaktu Sang Nila Utama berkelah di Tanjung Bemban bersama-sama isterinya, diiringi para pembesar serta isteri masing-masing, mereka menyanyikan lagu berentak dondang sayang. Apabila orang kampung mendengarnya, mereka tertarik. Jadilah lagu itu nyanyian ibu ketika mendodoikan anak dan kemudian diminati pula oleh anak muda.

Secara literasinya, dondang sayang bermaksud "*menyanyi dengan kasih sayang*". Uniknyanya, nyanyian ini digabungkan dengan pantun Melayu. Acara berbalas pantun ini, di lakukan secara spontan, bertemakan keriang dan kasih sayang. Dondang Sayang merupakan sejenis nyanyian yang popular dalam kalangan masyarakat Melayu dan Cina Peranakan di Melaka.

Terdapat beberapa kaedah untuk melagukan dondang sayang. Antaranya adalah dengan cara ratib mengesakan Allah dan pujian kepada Nabi Muhammad SAW, dan menyanyi sama ada dengan seni kata lagu yang lengkap atau dengan rangkaian bunyi sahaja, tetapi dalam bentuk lagu. Dondang sayang juga sering dilagukan oleh golongan tua ketika bersendirian, sama ada selepas penat bekerja mahupun sambil duduk melayan perasaan dan mengenang masa remaja. Mereka bersiul kecil atau menyanyi kecil mengalunkan lagu.

Ada empat jenis dondang sayang, iaitu dondang sayang Melaka, dondang sayang Baba Peranakan, dondang sayang Tanjung Penyengat, dan dondang sayang Pulau Pinang. Sungguhpun penjenisan ini lebih relatif sifatnya, setiap persembahan dondang sayang tetap diminati oleh beberapa golongan masyarakat seperti Melayu, Cina Peranakan, India, dan Portugis terutamanya di Melaka.

Dondang sayang turut dipertandingkan dalam pelbagai pertandingan pada peringkat negeri dan kebangsaan, antaranya Pesta Dendang Rakyat dan Pertandingan Dondang Sayang anjuran kerajaan. Dondang Sayang telah diangkat sebagai Warisan Kebangsaan pada tahun 2007.

1.2 DEFINISI DONDANG SAYANG

Dondang Sayang ialah sejenis balada cinta Melayu tradisional yang mana penyanyi-penyanyinya saling bertukar pantun tanpa persediaan dalam gaya yang riang dan ada kalanya lucu. Kebolehan berpantun bukan sahaja dimiliki oleh orang Melayu tetapi juga masyarakat Baba Nyonya, Portugis dan Chitti. Senario ini jelas dapat dilihat di negeri Melaka, apabila kaum-kaum lain boleh menyanyikan Dondang Sayang dengan baik sekali.

Dondang Sayang juga dikenali dengan nama Dendang Sayang oleh orang Melaka. Ia membawa dua pengertian iaitu apabila disebut 'berdendang' bermakna bernyanyi' untuk bersuka-suka atau menghibur 'hati'. Apabila disebut 'sayang' ia akan membawa erti 'kasih' iaitu melakukan dengan gerak laku yang lembut dan penuh mesra. Melalui dua pengertian tersebut maka bolehlah didefinisikan Dondang Sayang atau Dendang Sayang itu lagu Kasih atau nyanyian Kasih. Ini bermakna nyanyian Dondang Sayang merupakan satu media atau medium untuk menyampaikan isi hati penyanyi dengan lembut dan penuh mesra.

1.3 SEJARAH DONDANG SAYANG

Dondang Sayang wujud di Melaka sejak kurun ke-16. Ia dipercayai dipengaruhi muzik tradisional masyarakat Portugis. Pada zaman pemerintahan Sultan Mansur Shah, nyanyian itu dipersembahkan untuk menghiburkan tetamu dan pedagang-pedagang yang singgah di Melaka. Namun begitu, seni persembahan itu tersebar keluar dari lingkungan istana setelah kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka. Pada masa itu, nyanyian Dondang Sayang masih merupakan puji-pujian tentang kebesaran Kerajaan Melayu Melaka, dan kesedihan kerana kejatuhannya. Ia kemudiannya dikembangkan oleh para pembesar yang meminati seni ini lalu tersebar pula kepada rakyat jelata.

Menerusi karya epik Sejarah Melayu ada mengisahkan Wan Benail menghiburkan Sang Nila Utama dengan nyanyian dan ulitan pantun kasih sayang. Sewaktu Sang Nila Utama berkelah di Tanjung Bemban bersama sama isterinya, diiringi para pembesar serta isteri masing-masing, mereka menyanyikan lagu berentak Dondang Sayang. Apabila orang kampung mendengarnya, mereka tertarik. Jadilah lagu itu nyanyian ibu ketika mendodoikan anak dan kemudian diminati pula oleh anak muda.

Terdapat Satu perkara yang menarik iaitu Dondang Sayang bukan sahaja terdapat di Malaysia, tetapi juga di Singapura dan Indonesia terutama Sumatera. Namun begitu, terdapat perbezaan yang jelas terutama dari segi lengkok dan loghat nyanyiannya.

1.4 PENGENALAN

Pada tahun 1950-an, tradisi dondang sayang semakin diminati apabila disiarkan menerusi radio sejak tertubuhnya Jabatan Penyiaran yang dikenali sebagai Radio Malaya. Selain itu, dondang sayang mula dimainkan di pentas bangsawan dan joget. Apabila lagu dondang sayang semakin diminati ramai, lagu ini didendangkan dengan iringan rebab, rebana, dan tetawak, dan kemudian menjadi kegemaran keturunan Baba Melaka. Sambutan orang Riau pula lebih hebat, hinggakan sebelum persembahan joget atau tarian, lagu dondang sayangnya yang diperdengarkan dahulu, seolah-olah lagu pembuka majlis.

Persembahan dondang sayang dimulakan dengan gesekan biola, diikuti tingkahan rebana dan gong. Pada waktu yang sama pantun dondang sayang akan dinyanyikan. Jumlah pemantun tidak terhad tetapi berpasang-pasangan. Mereka mendendangkan pantun empat kerat secara berlagu dengan berbalas-balas pantun sesama mereka. Pemantun akan mendendangkan lagu mengikut muzik yang dimainkan. Setiap pantun soal harus dijawab oleh pemantun seorang lagi. Sekiranya pantun itu tidak terjawab maka penyanyi yang ketiga boleh mengambil alih nyanyian itu. Tajuk pantun juga tidak ditentukan. Pantun dalam dondang sayang mempunyai lebih kurang 99 tajuk yang harus diingat dan dihafal. Masa juga tidak dihadkan, dan kebiasaannya satu-satu acara itu akan selesai hingga subuh. Bagaimanapun, dalam majlis perkahwinan, dondang sayang akan ditamatkan oleh pemain atau tuan rumah mengikut waktu.

1.5 BENTUK PERSEMBAHAN

Sebagai suatu bentuk hiburan masyarakat Melayu bersama sub-etnik Babs dan Nyonya, berbalas pantun secara spontan (puisi), dalam gaya sam dan kadangkala melucukan. Pada peringkat awal, Dondang Sayang diukan oleh ibu di desa untuk menidurkan anak di dalam buaian. Cara melagukannya kaedah-ratib mengesakan yang Allah dan pujian kepada Nabi Muhammad s.a.w, keduanya dengan cara menyanyi sama ada dengan sent Fata lagu yang lengkap mahu pun dengan rangkaian bunyi saja tetapi dalam bentuk lagu. Dondang Sayang juga sering dilagukan orang tua ketika bersendirian sama ada selepas penat bekerja mahupun sambil duduk-duduk melayan perasaan.

1.6 ALAT MUZIK IRINGAN

Apabila lagu Dondang Sayang semakin diminati ramai, lagu ini didendangkan dengan iringan rebab, rebana, dan tetawak, dan kemudian menjadi kegemaran keturunan Baba Melaka. Manakala di kepulauan Riau, Dondang Sayang sering dijadikan persembahan pembukaan sebelum sesuatu acara atau majlis diadakan. Kini, persembahan Dondang Sayang diiringi alat muzik seperti biola, rebana, gong atau tetawak, gendang, dan akordion. Kebiasaannya persembahan Dondang Sayang akan diiringi oleh seorang pemain biola, seorang pemain gong (tetawak) dan dua orang pemain gendang. Alat muzik ini ialah merupakan gabungan yang simbolik yang mencernakan satu sejarah kegemilangan negeri Melaka pada masa dahulu. Rebana berasal dari Timur Tengah, biola berasal dari Portugis, dan gong pula warisan

pedagang Cina. Daripada gabungan ini, lahirlah peralatan muzik dalam Dondang Sayang.

a. BIOLA

Biola merupakan sebahagian alat muzik yang memainkan irama yang lebih menarik untuk Dondang Sayang



b. REBANA

Rebana adalah salah satu alat muzik pengiring untuk pemantun



c. GONG/ TETAWAK

Gong / Tetawak merupakan sebahagian alat muzik yang utama



d. AKORDIAN

Akordian merupakan alat muzik utama dalam pesembahan Dondang Sayang



e. GENDANG

Gendang merupakan salah satu alat muzik



f. TAMBORIN

Tamborin hanya digunakan sekali sekala untuk menambah bunyi yang ada.



g. MARAKAS

Sejenis alat muzik dari negara Barat



Permain biola memainkan peranan penting dalam dondang sayang. Ini kerana pemain biola merupakan ketua dalam dondang sayang manakala rebana di mainkan oleh dua orang pemain. Tetawak atau gonggong kecil dimainkan oleh seorang daripada empat pemain muzik dondang sayang itu. selain itu, rebana boleh juga digantikan dengan peralatan muzik tradisional yang lain seperti gendang dan kompang.

1.7 GAMBAR ATAU VIDEO





Sumber: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
Seni Budaya Digital
(Muzik Dondang Sayang Dalam Konteks Budaya Masyarakat Melaka)

Link: <https://fb.watch/gFyIDQNMDt/>

rtm MELAKA Rakan Strategik JKKN

Finalis

**1 OKTOBER 2022 | SABTU
9.00 MALAM**

AUDITORIUM PANGGUNG SARI,
KOMPLEKS JKKN AYER KEROH, MELAKA

PENGACARA : ARIL PILUS & DJ FAZZ
ARTIS JEMPUTAN : RAMLAH RAM, LIZA HANIM & HAZIQ

Siaran Langsung **TV2** **rtm**

Seni Warisan
Perandingan Akhir
Dondang Sayang Negeri Melaka

rtm_malaysia RTM-Radio Televisyen Malaysia RTM_Malaysia rtmklik.rtm.gov.my



Sumber: Melakafm
Pertandingan Akhir Dondang Sayang Negeri Melaka
Link: https://fb.watch/gFId_hGaBH/

1.8 KOMUNITI / PENGIAT

Terdapat empat masyarakat kebanyakannya di Melaka yang sinonim dengan Dondang Sayang iaitu masyarakat Melayu, Baba Nyonya, Chitty dan Portugis. Daripada komuniti ini, terdapat 313 ahli berdaftar dari 7 kumpulan yang masih aktif di bawah Persatuan Dondang Sayang Melaka iaitu Dondang Sayang Hiasan Budaya, Dondang Sayang Seri Melaka, Dondang Sayang Seri Klebang, Dondang Sayang Seri Mawar, Dondang Sayang Sinar Harapan Tebong, Dondang Sayang Dendang Irama, Dondang Sayang Kenangan Mawar Biru, dan Dondang Sayang Seni Warisan Baruh Alai. Antara artis terkenal ialah Hj. Idriss bin Hj. Shariff (62 tahun), Haji Abu Bakar Bin Haji Ali (82 tahun), Encik Mohd Baharim bin Sharip (73 tahun), Encik Hassan (70 tahun) dan Encik Kassim bin Jamal (44 tahun). Madam Syima Binti Salleh, Madam Saidatul sahrom anak Nadira, Madam Firdausiah Binti Rosli, En. Yasir Fikri Bin Abu, Madam Norshafarina Binti Mohd Fahmi, Encik Mohd Firdaus Bin Mohd Amran, Madam, Haslinawati Binti Zainuddin dan beberapa penyanyi lain dari Baba Nyonya (iaitu Encik Koh Kim Bock dan Encik Tan Bun), di kalangan Portugis (Encik Noel) dan Chitty (Madam G Menachi A/P Genasamy dan En. K. Nadarajan Raja).

Institut Kesenian Malaysia Melaka, Jabatan Warisan Negara, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Kebangsaan, Perbadanan Muzium Melaka, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, pemuzik dan NGO berkaitan juga bertanggungjawab untuk menjaga dan mempromosikan Dondang Sayang di Malaysia.

PERSATUAN SAYANG DONDANG

1. MR Idriss bin Haji Shariff
President
Dondang Sayang Association Melaka
019-2471762
2. MR Harun bin Yassin
Kumpulan Dondang Sayang Hiasan Budaya Kampung Paya Rumput Jaya,
76300 Sungai Udang, Melaka
012-2472263
3. Mr. Abu Bakar bin Haji Ali
Kumpulan Dondang Sayang Seri Melaka 245, Jalan Tempua,
Taman Tun Syed Nasir, 84000 Tangkak, Johor
012-6183617
4. Mr. Kassim bin Lebar Kumpulan Dondang Sayang Seri Klebang Solok
Kampung Tengah, Klebang besar 75200, Melaka
06-3154467
5. Mr. Kassim bin Jamal
Kumpulan Dondang Sayang Seri Mawar
KM 26, Jalan Datuk Nawar, 77300 Merlimau, Melaka
014-6600076
6. Mr. Musiran bin Tugimin
Persatuan Dondang Sayang Sinar Harapan Tebong
No. E1, Bangunan Mara, Tampin Square, 7300 Tampin,
Negeri Sembilan Darul Khusus
019-6671431
7. Mr. Idriss bin Haji Shariff
Kumpulan Dondang Sayang Dondang Irama
No. 14 Jalan 6, Taman Seri Duyung, 76450 Melaka
019-2471762
8. Mr, Mohd Baharim bin Sharip
Kumpulan Dondang Sayang Kenangan Mawar Biru
Batu 10, Kampung Bertam Ulu,
76450, Melaka
0129254659
9. Mr. Isa bin Nordin
Kumpulan Dondang Sayang Seni Warisan Baruh Alai
823-1, Jalan Haji Said, 75460, Kampung Alai, Melaka
012-6831219

1.8.1 PENGGIAT SENI DONDANG SAYANG MELAKA

Beberapa orang penyanyi lagu Dondang Sayang yang terkemuka di Melaka pada masa ini adalah terdiri daripada golongan tua. Hampir tidak ada golongan muda yang meminati lagu ini. Kurangnya minat golongan muda untuk menyanyikan lagu Dondang Sayang kerana mereka tidak pandai berpantun.

Artis Peringkat Pertama	Berasal	Artis Peringkat Baru	Berasal
Jantan Dollah	Tangga batu	Bachik Bakar	Pangkalan Lama Tengah
Puan Nyah Keling	Durian tuggal	Nyonya Tan	Batu Berendam
Itam Ahmad	Paya rumput	Hassan Ahmad	Bukit China
Ab. Ghani Baba	Bertam Hulu	M ohd Zain Abdullah	Sempang, Merlimau
Puan Puteh	Bukit Rambai	Zaitun Haji Hamzah	Duyong
Karim Ahmad	Bukit Rambai	Mohd Baharin Sharif	Bachang
Ab Manan Ngah	Bukit Lintang	Rahim Jantan	Balai Panjang
Hj Mohd Said	Bukit Piatu	Ab. Samad Md.Som	Gadek

RAJAH 1: PENGGIAT DONDANG SAYANG MELAKA
SUMBER: TESIS PENYELIDIKAN

1.9 RUJUKAN BERKAITAN DONDANG SAYANG PENERBITAN

A. BUKU

Dalam Bahasa Melayu:

1. Ahmad Usop (Madulara), 1984. Dondang Sayang Seni Tradisi Negeri Melaka. Melaka: Majlis Kebudayaan Negeri Melaka dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan sukan Malaysia.
2. Asmad, 1990. Warisan Kesenian Melaka. Kuala Lumpur: Cetaktara Sdn. Bhd.
3. DBP, 2010. Orang Berbudi Kita Berbahasa. Kuala Lumpur: Hertz Studio Dunia Cetak.

4. Dr. Omar Farouk Berjunid, 1989. Warisan Kesenian Melayu. Kuala Lumpur: City Repro Graphic Services.
5. Harun Aminurrashid, 1961. Kajian Puisi Melayu Singapura: Pustaka Melayu.
6. Madulara, 2004. Dondang Sayang Seni Tradisi Negeri Melaka. Melaka: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
7. Mohd Taib Osman, 1952. Warisan Puisi Melayu, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
8. Mohd Yasin Ahmad, 2004. Dondang Sayang. Melaka: JASOS (M) Sdn. Bhd

B. ARTIKEL

BUDAYA: Dondang Sayang Diiktiraf UNESCO - Satu Lagi Warisan Kebanggaan Malaysia
oleh Asri Yussof pada 05 Dec 2018
<https://pts.com.my/berita/dondang-sayang-diiktiraf-unesco-satu-lagi-warisan-kebanggan-malaysia>

MEMARTABATKAN SEMULA IRAMA DONDANG SAYANG
Oleh Siti Ismail pada 11 Mei 2022I
<https://sites.google.com/view/beritadimensi/urban/memartabatkan-semula-irama-dondang-sayang>

C. LATIHAN ILMIAH/ LAPORAN

Impak Pengkormersialan Pelancongan Seni Dondang Sayang Dari Budaya Masyarakat Baba Dan Nyonya di Melaka
Shaik Azahar Shaik Hussain
https://www.academia.edu/19996665/Impak_Pengkormersialan_Pelancongan_Seni_Dondang_Sayang_Dari_Budaya_Masyarakat_Baba_Dan_Nyonya_Di_Melaka
Seni Persembahan Dondang Sayang Penyumbang Kepada Pelancongan Budaya di Melaka
Nazrul Muhd
https://www.academia.edu/43361846/SENI_PERSEMBAHAN_DONDANG_SAYANG_PE_NYUMBANG KEPADA PELANCONGAN BUDAYA DI MELAKA20200616_82493_9yblf

1. 1000 Pantun Dondang Sayang 2004. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia.
2. Laporan Seminar Dondang Sayang Nusantara. 1993 Melaka: Pejabat Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Negeri Melaka dan Majlis Kebudayaan Negeri Melaka.
3. Pekan Budaya Melaka 1980 Melaka: Majlis Kebudayaan Negeri Melaka.

4. Laporan Seminar Dondang Sayang Sempena Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan dan Konvensyen Dunia Melayu Dunia Islam. 2015 Melaka: